

Tajuk : Karnival Kerjaya Unimas Hari Ini

Karnival Kerjaya Unimas hari ini

KOTA SAMARAHAN 27 Nov. - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan mengadakan Karnival Kerjaya, Kerohanian, Keusahawanan, Kokurikulum (K4U) 2012 di kampus universiti tersebut bermula esok hingga 1 Disember ini.

Dalam kenyataannya di sini hari ini, antara aktiviti menarik termasuklah pameran kerjaya, gerai jualan, seminar dan bengkel, temu duga terbuka serta penampilan personaliti tempatan.

Katanya, karnival tersebut juga dapat memberikan pendidikan kepenggunaan kepada pelajar serta kepentingan menjaga kesihatan.

"Karnival ini merupakan usaha pihak Unimas untuk memberikan peluang kepada pelajar mengetahui minat mereka dan seterusnya menentukan kerjaya yang diminati pada masa hadapan.

"Pihak universiti juga yakin karnival ini dapat membantu para pelajar dalam menentukan hala tuju dan pilihan kerjaya mereka pada masa hadapan," katanya.

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi Dayang Nazrini Abang Ashari di talian 082-581841 atau Hanifah Kamel (082-581926).